



02 AUG, 2019

Tunku Imran Canselor WOU Ke-4

Berita Harian, Malaysia

Page 1 of 2

Tunku Imran Canselor WOU Ke-4

Georgetown: Tan Sri Tunku Imran Tuanku Ja'afar dilantik Canselor Wawasan Open Universiti (WOU) yang keempat berkuat kuasa semalam.

Pengerusi Yayasan Sime Darby itu mengambil alih tugas Tun Mohamed Dzaiddin Abdullah yang tempoh perkhidmatannya berakhir pada Disember 2018.

Tunku Imran berkata, beliau berbangga menjadi sebahagian dalam kepemimpinan tertinggi WOU demi memberikan yang terbaik kepada masyarakat dan industri.

Katanya, WOU yang sudah bertapak selama 13 tahun terkenal dengan kejayaannya menjadikan pendidikan tinggi lebih murah dan mudah diakses.

"Universiti ini adalah institusi perintis di Asia yang benar-benar menarik perhatian dalam pendemokrasi pembelajaran di zaman digital, selain melaksanakan pembelajaran jarak jauh bagi memberi manfaat kepada mereka yang bekerja untuk menimba ilmu.

"Pada masa sama, kursus dalam talian terbuka secara besar-besaran (MOOCs) yang dikenaldikan universiti ini juga membolehkan pelajar mudah mengak-

ses bahan di internet dalam menyelesaikan kursus penyelidikan mereka," katanya berucap pada Majlis Penganugerahan Pelantikan Canselor di sini, semalam.

Tunku Imran yang dilahirkan pada 1948 adalah anak ketiga Tuanku Ja'afar iaitu Yang di-Pertuan Agong Malaysia ke-10 dan Yang di-Pertuan Besar ke-10 Negeri Sembilan.

Majlis penganugerahan itu turut menyaksikan pengisytiharan Datuk Dr Lim Thuang Seng sebagai Pro Canselor kedua WOU, mengambil alih tugas Tan Sri Dr Koh Tsu Koon.

Tan Sri Emeritus Prof Dr Gajaraj Dhanarajan dan Tan Sri Abdul Rashid Hussain pula masing-masing menerima Ijazah Kehormat Doktor dalam bidang Pendidikan dan Perniagaan.

Dhanarajan adalah Naib Canselor pengasas WOU (2006 - 2009) dan Rashid adalah bekas Pengerusi Eksekutif Kumpulan Syarikat RHB.

Tunku Imran berkata, sejak WOU membuka pintu lebih satu dekad lalu, institusi itu menghasilkan pelbagai projek penyelidikan hingga memenangi beberapa anugerah, selain berjaya



Tunku Imran menyerahkan ijazah kehormat kepada Dhanarajan sempena Majlis Perisytiharan Pelantikan Canselor WOU di Georgetown, semalam.

[Foto Danial Saad/BH]

meningkatkan kemahiran profesional ribuan pelajar yang menuntut di situ.

"Saya yakin universiti ini akan sentiasa mencapai tahap lebih tinggi bukan saja sebagai badan pendidikan, tetapi juga sebagai

institusi awam berpengaruh untuk kemajuan negara.

"Selain itu, saya memuji pihak pengurusan, kakitangan dan pelajar atas sumbangan mereka terhadap pembangunan universiti ini," katanya.



02 AUG, 2019

Tunku Imran Canselor WOU Ke-4

Berita Harian, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

Georgetown: Tan Sri Tunku Imran Tuanku Ja'afar dilantik Canselor Wawasan Open Universiti (WOU) yang keempat berkuat kuasa semalam. Pengerusi Yayasan Sime Darby itu mengambil alih tugas Tun Mohamed Dzaidin Abdullah yang tempoh perkhidmatannya berakhir pada Disember 2018. Tunku Imran berkata, beliau berbangga menjadi sebahagian dalam kepemimpinan tertinggi WOU demi memberikan yang terbaik kepada masyarakat dan industri. Katanya, WOU yang sudah bertapak selama 13 tahun terkenal dengan kejayaannya menjadikan pendidikan tinggi lebih murah dan mudah diakses.